

27/07/2001

Gajah Emas ganti Marathon

Halmi Samad

GAJAH Emas, jenama buatan Malaysia yang sebelum ini dinafikan haknya, meraih pengiktirafan tertinggi apabila disahkan menjadi bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea XXI, September ini.

Pengumuman memilih Gajah Emas, bola keluaran Gajatakraw Industries Sdn Bhd yang berpangkalan di Sungai Petani, Kedah, akan dibuat beberapa hari lagi.

Keputusan yang dianggap tepat itu sekali gus mematahkan tembok keegoan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) yang pada Kongres tergepar badan itu pada 8 Julai lalu di Bangkok mahu terus mengguna Marathon, produk keluaran Thailand.

Sumber memberitahu Harian Sukan semalam bahawa mesyuarat khas membabitkan empat pihak diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada 14 Julai lalu, menterbalikkan semula keputusan Istaf.

Difahamkan, mesyuarat itu dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Zabri Min; wakil pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Tuan Rahim Tuan Bahru; Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Datuk Saidin Thamby dan Setiausaha Agung PSM, Syed Yazid Syed Abdan.

Zabri yang juga Pesuruhjaya Sukan turut memanggil dua wakil Gajatakraw Industries Sdn Bhd iaitu Pengarannya, Kevin Lim dan Pegawai Perhubungan Awamnya, Abdul Rahim Yaakob.

Pada mesyuarat itu, Zabri meminta Saidin memberi taklimat panjang lebar mengenai kekecohan antara jenama Marathon dengan Gajah Emas, selain bertanya kemungkinan Thailand menarik diri jika bola buatan Malaysia digunakan.

Saidin memberi penjelasan terperinci dan kemudian merumus Malaysia mesti mengguna Gajah Emas, iaitu barangan tempatan, sebagaimana keputusan mesyuarat awal dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Syed Yazid turut diminta menerangkan keputusan mesyuarat Kongres Tergepar Istaf dan antara lain, beliau menegaskan Istaf sering menyalahgunakan kuasa, termasuk berhubung isu kiraan 21 mata dan bola rasmi takraw.

"Selepas mendengar penjelasan semua pihak, Zabri memutuskan Gajah Emas akan digunakan sebagai bola rasmi Sukan Sea dan beliau akan memanjangkan perkara itu kepada Menteri, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Saya rasa ini satu kemenangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa menggalakkan rakyat negara ini menggunakan produk tempatan.

"Ia juga kejayaan manis kepada PSM yang bekerja keras meyakinkan kementerian dan Pesuruhjaya Sukan Malaysia, selain kemenangan moral buat Gajatakraw dan Perdana Menteri," katanya semalam.

Isu terbabit hangat apabila Istaf memaklumkan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bahawa jenama Thailand, Marathon digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw Sukan Sea.

Istaf dalam laporannya memberi alasan kononnya jenama Marathon keluaran Marathon Thailand Co Ltd, sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa, sedangkan Gajah Emas masih dalam kajian disahkan produk terbaik.

Setiausaha MOM, Datuk Sieh Kok Chi pula dilaporkan sebagai berkata pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu kerana ia berkuasa dari segi aspek teknikal.

Hishammuddin kemudian mengarah tiga pegawai PSM membangkitkan isu

berkenaan di Kongres Tergempar Istaf di Bangkok, selain mahukan MOM, selaku Jawatankuasa Sukan dan Teknikal Sukan Sea, memanjangkan perkara itu kepada Persekutuan Sukan Sea (SGF).

Syed Yazid ketika dihubungi mengesahkan keputusan mesyuarat 14 Julai lalu dan mengakui menghantar surat kepada pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia kelmarin meminta segera membuat pengumuman rasmi berhubung perkara itu.

"PSM turut memanjangkan surat Gajatakraw bertarikh 24 Julai lalu. Kita bangga kerana Hishammuddin yang sememangnya berkuasa menukar keputusan awal berhubung Gajah Emas dan Marathon, selain Zabri kerana mereka membuktikan komitmennya terhadap buatan Malaysia," katanya.

Setiausaha Agung PSM itu menegaskan pihaknya menyokong Gajah Emas kerana Istaf membuktikan mereka adalah badan induk yang sentiasa tidak menghormati ahli gabungannya, selain bersikap mementingkan diri sendiri.

"Istaf yang dikuasai Thailand akan melakukan apa saja untuk kepentingan mereka. Mula-mula mereka mahu Marathon dan sistem kiraan 21 mata. Tapi, apabila melihat sistem itu menyusahkan Thailand, Istaf membuat pusingan U dan kembali kepada kiraan lama 15 mata.

"Apa semua ini? Kalau macam ini sukar untuk Malaysia hormati Istaf. Kalau Istaf tidak hormati Malaysia dan PSM, macam mana kita mahu menghormati mereka," katanya.

(END)